

17 JAN 2003

MDC-MGS/I

MGS UNTUK SEMUA SYARIKAT BERSTATUS MSC

CYBERJAYA, 17 Jan (Bernama) -- Skim Geran MSC (MGS), yang pada mulanya terhad kepada syarikat-syarikat berstatus MSC dengan majoriti dimiliki rakyat Malaysia, kini boleh diperoleh semua syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) tanpa mengira sama ada mereka merupakan pegangan asing.

Bagaimanapun, untuk layak mendapat geran berkenaan, syarikat-syarikat perlu melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D), kata Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Datuk Dr Mohamed Arif Nun.

Beliau berkata langkah berkenaan bertujuan bagi meningkatkan usaha dan penekanan dalam R&D.

"Syarikat-syarikat berstatus MSC terutamanya perlu melaksanakan pendekatan proaktif dalam menjadikan R&D sebagai alat untuk meningkatkan daya saing kita dan produktiviti," katanya pada pelancaran InventQjaya milik Reveo Inc oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

InventQjaya merupakan kemudahan sementara R&D bagi membawa teknologi Reveo ke Malaysia.

Reveo yang berpangkalan di Amerika Syarikat mengkhusus dalam R&D bagi mewujudkan teknologi baru dan membentuk perniagaan baru berasaskan teknologi berkenaan.

Dr Mohamed Arif berkata MSC telah membina dan membangunkan tempat ujian bagi syarikat-syarikat peneraju R&D dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta teknologi saintifik.

Buat masa ini, 35 syarikat telah diluluskan untuk MGS berjumlah RM72.19 juta. -- BERNAMA

LES FR NHD